

# 'Tiada layanan istimewa, Shamsul Iskandar pun digari'

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tidak ada layanan istimewa diberikan kepada sesiapa dalam siasatan berkaitan rasuah termasuk membabitkan pegawai di pejabatnya sendiri.

Merujuk kepada bekas Setiausaha Politik Kanannya, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin yang digari dan menggunakan baju T oren lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Perdana Menteri membidas pembangkang yang masih tidak berpuas hati dalam pengendalian siasatan.

## Tiada campur tangan

Katanya beliau sama sekali tidak mempertahankan Shamsul Iskandar, malah bekas pegawainya itu juga menjalani proses tangkapan dan siasatan biasa termasuk digari.

Beliau berkata, tiada campur

tangan dalam siasatan SPRM itu yang diberi kebebasan sepenuhnya untuk menyiasat.

“Dalam kes yang sekarang disiasat SPRM. Cuba lihat, hendak suruh buat apa lagi? Orang itu (Shamsul Iskandar) digari dengan baju oren. Saya rasa banyak kes berat yang lain tidak digari pun.

“Tidak puas hati lagi ke? Jadi saya (rasa) setakat itu. Dan saya tidak tegur sepatih pun (siasa-

tan) kepada SPRM. Saya sudah beritahu, dia (SPRM) bebas untuk siasat, dia siasat lah. Dia nak suruh apa lagi?

“Saya tidak pertahankan staf (kakitangan) saya. (Tetapi) saya nak tanya mengapa hendak pertahankan orang lain,?” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mas Ermieyati Samsudin

(PN-Masjid Tanah).

Menjawab soalan tambahan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut), Anwar berkata gesaan bagi meneruskan siasatan terhadap mana-mana kes yang dikaitkan dengan bekas kakitangannya walaupun ia sudah diputuskan tiada tindakan lanjut pihak berkuasa, adalah tidak adil, hanya kerana mereka pernah mempunyai kaitan dengan beliau.